

POLISI VIRUS IMUNODEFISIENSI MANUSIA (HIV) DAN SINDROM KURANG DAYA TAHAN MELAWAN PENYAKIT (AIDS)

Johor Plantations Group Berhad (JPG) memperakui betapa seriusnya wabak HIV dan AIDS dan kesannya di tempat kerja. JPG menyokong usaha-usaha mengurangkan kesan wabak ini. Polisi ini bertujuan memastikan tindakan yang konsisten dan adil dalam menangani HIV dan AIDS di kalangan anggota pekerja JPG dan kaedah pengurusan kesan-kesan HIV dan AIDS. Polisi ini adalah berdasarkan Kod Amalan Pencegahan dan Pengurusan HIV dan AIDS di tempat kerja yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

Selaras dengan Polisi Keselamatan dan Kesihatan, JPG komited, selagi munasabah dan praktikal, untuk menyediakan dan memelihara persekitaran kerja yang selamat dan sihat termasuk dari segi HIV dan AIDS untuk semua anggota pekerja dan orang lain yang mungkin menerima impak daripada aktiviti kami.

JPG memperakui bahawa pesakit HIV dan AIDS boleh hidup secara aktif dan tidak akan mendiskriminasi anggota pekerja atau calon-calon anggota pekerja atas sebarang sebab termasuk HIV dan AIDS.

JPG akan melayan semua pekerja yang menghidap atau dijangkiti HIV dan AIDS dengan penuh ihsan dan akan membantu secara wajar termasuk kaunseling, cuti sakit dan maklumat terkini berkaitan virus dan kesannya. JPG akan memastikan:

- Amalan pekerjaan berdasarkan kepada bukti kajian saintifik dan epidemiologik bahawa pesakit HIV dan AIDS tidak membawa jangkitan kepada rakan sekerja melalui hubungan kerja normal;
- Status positif HIV bukan satu-satunya kriteria untuk menolak pengambilan sebarang bentuk pekerjaan;
- Anggota pekerja yang positif HIV berhak meneruskan pekerjaan selagi berdaya dan selagi tidak menimbulkan sebarang bahaya sama ada kepada diri sendiri, rakan sekerja atau orang lain di tempat kerja;
- Prosedur pemberhentian kerja atas sebab perubatan untuk pesakit yang positif HIV adalah sama seperti pesakit-pesakit lain; dan
- Sebarang pekerja yang mendiskriminasi anggota pekerja yang menghidap HIV akan dikenakan tindakan disiplin.

JPG menolak ujian HIV sebagai pra-syarat untuk pengambilan kerja, kenaikan pangkat atau faedah pekerjaan lain. Ujian perubatan sebelum diambil kerja mengecualikan ujian HIV.

JPG memprakui isu sensitif yang menyelubungi HIV dan AIDS dan mengambil langkah sewajarnya untuk mengendalikan isu ini secara berhati-hati. Anggota pekerja yang menghidap HIV dan AIDS tidak diwajibkan untuk memberitahu JPG atau anggota pekerja lain tentang statusnya. Jika anggota pekerja telah mendedahkan kepada pengurusan tentang status HIV dan AIDSnya, identiti beliau akan dirahsiakan.

Sekiranya seseorang memilih untuk memberitahu anggota pekerja lain tentang status HIV dan AIDS beliau, maklumat ini tidak akan didedahkan kepada orang lain tanpa izin beliau. Apabila doktor mengesahkan seseorang pekerja menghidap HIV dan AIDS, maklumat ini akan disampaikan kepada beliau, diikuti dengan sesi kaunseling. Dengan izin pekerja yang menghidap HIV dan AIDS ini, maklumat ini akan disampaikan kepada Ketua Jabatan beliau atas sebab-sebab operasi.

Anggota pekerja yang melanggar peruntukan "Kerahsiaan" ini akan dikenakan tindakan disiplin termasuk penamatan perkhidmatan.

JPG akan secara berterusan menjalankan pendidikan, latihan dan kesedaran di tempat kerja tentang HIV dan AIDS dalam menangani jangkitan dan memupuk toleransi terhadap pekerja yang menghidap HIV dan AIDS. Adalah penting program-program ini dijalankan kerana pendidikan yang efektif boleh menyumbang kepada kebolehan pekerja dalam melindungi diri dari jangkitan HIV dan AIDS, mengurangkan tekanan berkaitan HIV/ AIDS, mengurangkan ketidakseimbangan di tempat kerja dan memupuk perubahan sikap dan tingkah laku.

JPG akan terus memastikan hubungan yang adil antara jantina dalam suasana yang tidak mendiskriminasi di tempat kerja agar semua anggota pekerja menerima layanan yang sama kepada perubatan dan sumber-sumber lain.